BERITA HARIAN, ISNIN, 3 JULAI, 1978

Dr. M jelaskan tentang pemilihan calon BN

TEMERLOH. Ahad — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meyeru ahli-ahli UMNO khasnya dan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya jangan mempertikaikan tentang calon-calon BN di sesuatu kawasan yang tidak mempunyai majoriti keturunan calon itu sendiri.

Katanya pemilihan calon-calon BN oleh pucuk pimpinan bukan kerana kepentingan calon itu, tetapi untuk membolehkan kita membentuk Kerajaan di peringkat pusat dan negeri.

Dalam hubungan ini, jika kita terlalu menitikberatkan soal kaum bertanding di sesuatu kawasan, kita akan kalah.

Beliau berkata demikian ketika berucapa kepada ahli-ahli dan pekerja BN di Dewan UMNO bahagian Temerloh di sini petang ini.

Terdahulu dari itu beliau telah merasmikan bangunan 11 pintu di Jalan Ibrahim berharga $574,000 di sini.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, jika dititikberatkan soal keturunan calon, maka calon-calon dari MIC umpamanya sudah pasti tidak dapat dipilih kerana tidak ada satu kawasanpun yang mempunyai majoriti kaum tersebut.

Katanya, jika pembahagian kerusi dilakukan mengikut kaum, ini bererti kawasan bandar akan teriepas kepada kaum bukan Melayu dan calon-calon Melayu UMNO hanya akan memperolehi kawasan-kawasan terpencil sahaja.

"Kalau kita mahukan pembahagian seperti itu lebih baik tak ada Barisan Nasional, lebih baik hanya ada MCA dan MIC serta UMNO sendiri bertanding mengikut kaum masing-masing, ini bererti UMNO akan kalah," ujarnya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, pucuk pimpinan BN yakin pemilihan calon-calon BN sama ada dari UMNO, MCA, MIC dan lain-lain parti komponen di satu-satu kawasan mendapat sokongan bulat dari seluruh rakyat di kawasan berkenaan, khasnya dari ahli-ahli parti komponen sendiri.

Katanya, UMNO merupakan parti yang sederhana, "dengan itu kita mahukan sokongan daripada semua kaum dan PAS juga terpaksa menyedari kenyataan seumpama ini."

Katanya, bukti yang menunjukkan PAS menyedari hakikat bahawa untuk membentuk sebuah kerajaan di Malaysia memerlukan sokongan semua kaum terbukti dengan pakatan sulit antara parti itu dengan DAP.

Dalam hubungan ini, katanya, PAS tidak ada bedanya dengan UMNO, perikatan PAS dengan DAP bukan sebagaimana kerjasama UMNO dengan MCA dan MIC yang dilakukan secara terbuka.

Katanya kerjasama PAS dan DAP itu hanya untuk memecahbelahkan undi-undi Melayu di mana kita mempunyai bukti mereka melibatkan pakatan sulit ini di 90 kawasan pilihanraya Negeri dan Parlimen.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No
No